

**PRU-13: Surat pemecatan tanding Bebas dikeluarkan Isnin ini - PM  
Utusan Online  
20 April, 2013**

PEKAN 20 April - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, surat pemecatan kepada mana-mana pemimpin dan ahli UMNO yang bertanding sebagai calon Bebas akan dikeluarkan Isnin ini.

Menurut beliau, langkah ini bagi memastikan disiplin parti.

"Kalau ada satu dua kita terpaksa korban, itu lebih baik daripada kita korbankan parti yang dikasihi ini," katanya ketika berucap pada jamuan tengah hari di kediaman beliau di sini hari ini.

Antara pemimpin UMNO yang bertanding calon Bebas ialah Naib Ketua Wanita UMNO, Datuk Kamalia Ibrahim. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130420/px\\_128/PRU-13-Surat-pemecatan-tanding-Bebas-dikeluarkan-Isnin-ini---PM#ixzz2ZuUIqrMS](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_128/PRU-13-Surat-pemecatan-tanding-Bebas-dikeluarkan-Isnin-ini---PM#ixzz2ZuUIqrMS)

© Utusan Melayu (M) Bhd